

16/07/2002

Seri Paduka mulakan lawatan rasmi ke Sarawak

KUCHING, Isnin - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putera Jamalullail dan Raja Permaisuri Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, tiba di sini, tengah hari ini, untuk memulakan lawatan rasmi empat hari ke Sarawak.

Pesawat khas yang membawa pasangan diraja itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) di sini pada jam 12.10 tengah hari ini, lewat lebih satu setengah jam daripada jadual asal.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng dan isteri, Toh Puan Norkiah Ahmad mengetuai pemimpin negeri mengalu-alukan ketibaan baginda. Seri Paduka berdua diiringi Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib dan Timbalannya, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam dan Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang.

Sejurus turun dari pesawat khas itu, baginda menerima tabik hormat dan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormat oleh 105 anggota termasuk empat pegawai Batalion ke-13 Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpangkalan di Sri Aman, diketuai Mejar Md Hanafi Shamsudin.

Sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan bagi mengalu-alukan ketibaan baginda dan rombongan.

Turut mengalu-alukan pasangan diraja itu ialah kumpulan kebudayaan mewakili pelbagai kaum di negeri ini iaitu Melayu, Melanau, Iban, Orang Ulu, Bidayuh, Jawa, India dan Cina.

Sementara itu, pesawat yang membawa baginda pagi ini terpaksa berpatah balik apabila sistem tayar hadapannya rosak sejurus selepas berlepas.

Pesawat Fokker 28 itu, yang berlepas pada jam 9 pagi dan masih berada di ruang angkasa Subang, terpaksa mendarat semula di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kira-kira 28 minit kemudian.

Difahamkan ini adalah kali keempat Seri Paduka mengalami peristiwa seumpama itu. Bagaimanapun, baginda berdua kelihatan tenang ketika berangkat turun daripada pesawat berkenaan untuk menunggu di Bilik Kenamaan, disambut Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, yang masih berada di situ.

Sebelum itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta beberapa kenamaan lain termasuk Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, mengucapkan selamat berangkat kepada baginda berdua.

Lima minit kemudian, Perdana Menteri berlepas ke Kedah untuk merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri.

Baginda serta delegasi kemudian berlepas dengan pesawat gantian, Falcon, pada jam 10.19 pagi dengan Kayveas sekali lagi mengucapkan selamat berangkat.

Disebabkan pesawat Falcon lebih kecil berbanding Fokker 28, beberapa pengiring baginda terpaksa menaiki pesawat pengangkut Hercules C-130 yang berlepas setengah jam lebih awal supaya kedua-dua pesawat tiba serentak di Kuching.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Kayveas berkata Yang di-Pertuan Agong amat tenang dan menyatakan ini adalah kali keempat penerbangannya terpaksa berpatah balik sejurus berlepas. Dua kejadian disebabkan keretakan cermin pesawat dan satu lagi akibat kerosakan sistem kemudi.

Beliau berkata, baginda cuma bimbangkan kelewatan tiba di Kuching di

mana Yang di-Pertua Negeri, Ketua Menteri, menteri-menteri negeri, pegawai kanan kerajaan serta rakyat jelata menanti ketibaan baginda.